

[Home](#) / [2025](#) / [July](#) / UiTM Sabah Jayakan Inisiatif Kelestarian Pantai bersama Komuniti dan NGO

SDG

04/07/2025 / NURUL HUDA ROSLAN



Kota Kinabalu, 28 Jun 2024 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah terus memperkukuh peranannya dalam memupuk kesedaran alam sekitar dan memperkasakan komuniti melalui penganjuran **Program Gotong-Royong Komuniti di Pantai dan Kampung Tanjung Aru Lama, Sabah**. Program ini merupakan inisiatif bersama **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)** dan **Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sabah**, dengan kerjasama **Kelab Sukarelawan Jasa Siswa (Jasis)** serta pertubuhan bukan kerajaan, **Trash Hero Cawangan Negeri Sabah**.

Program ini berjaya menghimpunkan seramai **112 sukarelawan** yang terdiri daripada mahasiswa UiTM, ahli Trash Hero, serta wakil sukarelawan antarabangsa dari **Kinabalu International School (KIS)**, termasuk **Miss Mary McPherson**. Sepanjang program berlangsung, para sukarelawan telah berjaya mengumpul dan membersihkan sebanyak **923 kilogram sisa buangan** di kawasan pantai dan

kampung berkenaan.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa dan komuniti setempat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Program ini turut menyemarakkan semangat kebersamaan, memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan, NGO dan masyarakat, serta menyumbang kepada suasana harmoni dalam kalangan warga kampus dan komuniti.

Selaras dengan **Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals – SDG)** dan aspirasi **Sabah Maju Jaya (SMJ)**, program ini menggalakkan penglibatan aktif mahasiswa dalam usaha pemerkasaan komuniti dan pemeliharaan alam sekitar. Ia juga menyokong pencapaian **Petunjuk Prestasi Kampus** melalui promosi kempen kesedaran '*Love Your Earth*', yang menekankan kepentingan amalan **3R (Reduce, Reuse, Recycle)** dalam kehidupan seharian.

Program ini turut dihadiri oleh **Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sabah, Dr. Dg Ku Habibah Ag Kee**, bersama wakil penduduk kampung dan komuniti setempat, yang memberikan sokongan penuh terhadap usaha murni ini. Kehadiran mereka mencerminkan komitmen bersama dalam membina komuniti yang lebih prihatin terhadap kelestarian alam dan kesejahteraan bersama.

Penulis: Nur Athirah Syafiqah Binti Izamain

Editor: Nurul Huda Roslan



Tags: [Bahagian Hal Ehwal Pelajar \(BHEP\)](#), [Majlis Perwakilan Pelajar \(MPP\)](#), [UiTM Cawangan Sabah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[UiTM Pahang Champions SDG Literacy through Citizen Science at CONSAL XIX](#)

[UiTM Sabah Celebrates First Graduates of Revived Bachelor of Accountancy Programme](#)

LINKS

[Ministry of Higher Education](#)

[Academic Calendar](#)

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

KAMI

Universiti Teknologi MARA

(UiTM)

40450 Shah Alam, Selangor

Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

